

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 7 OKTOBER 2022

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 9

### Petronas sumbang aset logistik kepada APM

## HADAPI BENCANA BANJIR

# Petronas sumbang aset, logistik kepada APM

**Bangi:** Kumpulan Petroliam Nasional Bhd (Petronas), menyumbangkan aset dan logistik kepada Angkatan Pertahanan Awam (APM) untuk persediaan menghadapi Monsun Timur Laut (MTL) khususnya jangkakan bencana banjir.

Pengurus Besar Besar Kanan, Komunikasi Strategik Kumpulan Petronas Datin Anita Azrina A Aziz berkata, bagi menghadapi MTL kali ini sebanyak RM3.2 juta diperuntukkan dan antara sumbangan diberikan ialah 36 bot aluminium berserta enjin, 8,800 *Collapsible Tent*,

5,500 jaket keselamatan serta 55,000 baju hujan.

Beliau berkata, sumbangan itu adalah sebahagian daripada keseluruhan sumbangan bernilai RM25 juta sejak Disember 2021.

“Petronas berbesar hati menyumbangkan beberapa aset dan logistik bagi kegunaan APM selaku Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri dan Daerah ketika pengoperasian serta persediaan menghadapi MTL.

“Saya percaya kolaborasi strategik bersama agensi terbabit sama ada peringkat negeri atau nasio-

nal, meminimumkan impak bencana kepada mangsa, sebelum, semasa dan selepas bencana,” katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Penyerahan Bantuan Bencana Banjir Sumbangan Petronas Peringkat Kebangsaan dengan Kerjasama APM di sini, semalam.

Simbolik sumbangan disampaikan Anita Azrina kepada Ketua Pesuruhjaya APM, Aminurrahim Mohamed dengan disaksikan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas) Datuk Dr Abdul Latiff Ahmad.